

 UCO BANK A GOVERNMENT OF INDIA UNDERTAKING IBU PEJABAT: 10 B.T.M Sarani Kolkata - 700 001		
AKAUN DIAUDIT PADA 31 MAC 2026		
(000'S DITINGGALKAN)		
	Pada 31.3.2026	Pada 31.3.2025
MODAL DAN LIABILITI	₹	₹
Modal	125 39 55 90	12539 55 90
Rizab dan Lebihan	20709 66 57	18465 31 80
Deposit	327562 52 64	293542 17 82
Pinjaman	23309 81 85	28687 48 53
Liabiliti dan Peruntukan Lain	11736 87 39	9246 54 21
JUMLAH	395858 44 35	362481 08 26
	Pada 31.3.2026	Pada 31.3.2025
ASET-ASET	₹	₹
Tunai dan Baki dengan Reserve Bank of India	10405 06 35	10358 91 52
Baki dengan Bank dan Wang di Panggilan dan Notis Singkat	13479 45 56	25767 99 65
Pelaburan	98777 39 96	94272 49 01
Pendahuluan	257762 90 80	215 134 57 88
Aset Tetap	4200 43 77	3851 95 03
Aset Lain	11233 17 91	13095 15 17
JUMLAH	395858 44 35	362481 08 26
Liabiliti Kontinjen	94440 56 29	128834 25 71
Bil untuk Pemungutan	7691 41 94	7595 29 35
UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC, 2026		
	Pada 31.3.2026	Pada 31.3.2025
PENDAPATAN	₹	₹
Faedah diperolehi	26281 35 57	25066 91 14
Pendapatan lain	3459 63 35	4406 63 43
JUMLAH	29740 98 92	29473 54 57
PERBELANJAAN		
Faedah Dibelanjakan	16084 98 20	15436 82 73
Perbelanjaan Operasi	7227 07 26	7999 40 83
Peruntukan dan Kontinjensi	3661 07 59	3592 32 08
JUMLAH	26973 13 05	27028 55 64
UNTUNG/RUGI		
Untung Bersih/(Rugi) untuk tahun ini	2767 85 87	2444 98 93
Untung/(Rugi) Dibawa ke Hadapan	3720 42 81	2513 73 80
JUMLAH	6488 28 68	4958 72 73
PERUNTUKAN		
Pindahan ke Rizab Statutori	691 96 47	611 24 73
Pindahan ke Rizab Modal	27 25 03	3 72 49
Pindahan ke Rizab Turun Naik Pelaburan	1 91 85	134 28 42
Cadangan Dividen	551 74 06	489 04 28
Baki dibawa ke Kunci Kira-Kira	5215 41 26	3720 42 81
JUMLAH	6488 28 68	4958 72 73
EPS Asas & Cair (₹)	₹ 2.21	₹ 2.04

Jadual 17 – DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata kewangan disediakan berdasarkan konsep 'kesinambungan perniagaan' menggunakan kaedah kos sejarah dan kaedah perakaunan akruan, kecuali dinyatakan sebaliknya, serta mematuhi dari segi semua aspek penting kepada Prinsip Perakaunan yang Diterima Umum (GAAP) di India, yang merangkumi peruntukan statutori yang berkenaan, norma/garis panduan pengawalseliaan yang ditetapkan oleh Reserve Bank of India (RBI), Piawaian Perakaunan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Bertauliah India (ICAI), sejauh yang berkenaan, dan amalan yang lazim dalam industri perbankan di India. Bagi pejabat/cawangan luar negara, peruntukan statutori dan amalan perakaunan yang berkuatkuasa di negara masing-masing dipatuhi, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi GAAP memerlukan Pihak Pengurusan membuat anggaran dan andaian semasa melaporkan aset dan liabiliti (termasuk liabiliti kontingensi) pada tarikh penyata kewangan serta pendapatan dan perbelanjaan sepanjang tempoh pelaporan. Pihak Pengurusan berpendapat bahawa anggaran yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan adalah berhati-hati dan munasabah. Walau bagaimanapun, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini. Sebarang semakan terhadap anggaran perakaunan akan diiktiraf secara prospektif dalam tempoh semasa dan tempoh akan datang.

JADUAL 18/NOTA MENGENAI AKAUN		
(Jumlah dalam ₹ Crore)		
Perkara	Tahun Semasa	Tahun Sebelumnya
(i) Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 (CET 1)	23562.49	23682.47
(ii) Modal Tambahan Tahap 1	500.00	500.00
(iii) Modal Tahap 1 (i + ii)	24062.49	24182.47
(iv) Modal Tahap 2	3133.60	3133.60
(v) Jumlah Modal (Tahap 1 + Tahap 2)	2716.09	27316.06
(vi) Jumlah Aset Tertimbang Mengikut Risiko (RWAs)	147441.86	147707.34
(vii) Kadar CET 1 (CET 1 sebagai peratusan RWAs)	15.98	16.03%
(viii) Kadar Tahap 1 (Modal Tahap 1 sebagai peratusan RWAs)	16.32	16.37%
(xi) Kadar Tahap 2 (Modal Tahap 2 sebagai peratusan RWAs)	2.13	2.12%
(xii) Kadar Modal kepada Aset Tertimbang Mengikut Risiko (CRAR) (Jumlah Modal sebagai peratusan RWAs)	18.45	18.49%
(xiii) Peratusan Pegangan Saham Kerajaan India	90.95	90.95
(xiv) Jumlah modal ekuiti berbayar yang diperolehi sepanjang tahun	583.60	583.60
(xv) Jumlah modal Tahap 1 bukan ekuiti yang diperolehi sepanjang tahun;	-	0.00
a) Instrumen Hutang Kekal (PDI) yang mematuhi Basel III:		
(xvi) Jumlah modal Tahap 2 yang diperolehi sepanjang tahun;	-	0.00

Transaksi Pengurusan Pegawai Pengurusan Utama		(Jumlah dalam ₹ lakh)	
Pegawai Pengurusan Utama	Tempoh	Perkara	Jumlah Semasa (FY 25-26)
Shri Ashwani Kumar (Pegarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif)	01.04.2025 hingga 31.03.2026	Gaji & Imbuan Dibayar	66.64
Shri Rajendra Kumar Saboo (Pegarah Eksekutif)	01.04.2025 hingga 31.03.2026	Gaji & Imbuan Dibayar	77.68
Shri Vijaykumar N Kamble (Pegarah Eksekutif)	01.04.2025 hingga 31.03.2026	Gaji & Imbuan Dibayar	56.59

Syarikat Bersekutu

UCO Bank tidak mempunyai syarikat sekutu pada 31.03.2026. Menurut Notifikasi Warta No. CG-DL-E-07042025-262329 bertarikh 7 April 2025, yang dikeluarkan oleh Kerajaan India, Paschim Banga Gramin Bank (PBGB), yang ditaja oleh UCO Bank, telah digabungkan dengan Bangiya Gramin Vikash Bank dan Uttarbanga Kshetriya Gramin Bank, untuk membentuk West Bengal Gramin Bank, berkuat kuasa 1 Mei 2025, di bawah penajaan Punjab National Bank (PNB).

Perakaunan bagi Cukai Pendapatan (AS-22)

Bank tidak mempunyai sebarang obligasi Cukai Pendapatan semasa sepanjang tahun tersebut. Sepanjang Tahun Kewangan 2025-26, jumlah bersih sebanyak Rs. 1555.98 Crore (Rs. 1335.32 Crore telah diiktirafkan bagi Tahun Kewangan 2024-25) telah diiktirafkan sebagai Aset Cukai Tertunda mengikut piawaian perakaunan AS-22.

(Jumlah dalam ₹ Crore)		
Butiran	Pada 31.03.2026	Pada 31.03.2025
Aset Cukai Tertunda		
Kerugian Dibawa Hadapan	2973.98	4860.77
Peruntukan bagi Penebusan Cuti	432.51	395.08
Penyusutan dalam Nilai Saksama	0.00	0.00
Peruntukan bagi Faedah Pekerja	0.00	0.00
Peruntukan bagi Aset Piawai	726.10	445.82
Perbezaan dalam Penilaian Pelaburan	0.00	0.00
Susut Nilai ke atas Aset Tetap	103.61	90.57
Peruntukan bagi Liabiliti Kontinjen/Lain-lain	185.87	185.81
JUMLAH:	4422.07	5978.05

(Jumlah dalam ₹ Crore)		
Butiran	Pada 31.03.2026	Pada 31.03.2025
Liabiliti Cukai Tertunda	--	--
Susut Nilai Aset Tetap	--	--
Perbezaan dalam Penilaian Pelaburan	--	--
JUMLAH:	--	--
Aset Cukai Tertunda (Bersih)	4422.07	5978.05

Bank telah menilai pilihan yang tersedia di bawah Seksyen 115BAA Akta Cukai Pendapatan 1961 dan memilih untuk terus mengiktiraf cukai pendapatan mengikut peruntukan lama Akta Cukai Pendapatan 1961 bagi suku tahunan dan tahun kewangan yang berakhir pada 31hb Mac 2026 dan tahun cukai 2026-27.

Aset Tidak Ketara (AS-26):

Aset Tetap termasuk perisian komputer, yang telah dianggap sebagai aset tidak ketara mengikut AS-26 yang dikeluarkan oleh ICAI. Pergerakan aset perisian adalah seperti berikut:

(Jumlah dalam ₹ Crore)		
Butiran	Pada 31.03.2026	Pada 31.03.2025
Blok Kasar pada permulaan tahun	222.27	188.01
Tolak: Pelarasan ke atas akaun MOC	-0.46	12.44
tahun sebelumnya		
Blok Bersih pada permulaan tahun	222.73	175.57
Tambahan sepanjang tahun	317.34	95.02
Tolak: Pelupusan aset tidak ketara yang telah sepenuhnya dilunaskan	117.99	48.32
Jumlah	422.08	222.27
Tolak: Amaun amortisasi sehingga tarikh (Bersih daripada amaun bagi aset yang dilupuskan)	127.42	113.47
Tolak: Kerugian penyusutan Nilai	-	-
Blok Bersih pada akhir tahun	294.66	108.80

Aset Tidak Ketara – Perlunasan pada 31.03.2025		
(Jumlah dalam ₹ Crore)		
Perlunasan	Pada 31.03.2026	Pada 31.03.2025
Baki Kasar pada permulaan	113.47	90.2
Tolak: Pelarasan ke atas akaun MOC	-0.46	4.14
tahun sebelumnya		
Baki Bersih pada permulaan	113.93	86.06
Tambah: Kerugian Penyusutan Nilai	-	-
Tambah: Jumlah perlunasan yang diiktiraf sepanjang tahun	131.48	75.73
Tolak: Peruntukan ke atas aset yang dilupuskan	117.99	48.32
Baki Penutup	127.42	113.47

Laporan Juruaudit Bebas

Laporan Audit Penyata Kewangan Berasingan

Pendapat

- Kami telah mengaudit Penyata Kewangan Berasingan UCO Bank ("Bank"), yang merangkumi Lembaran Imbangan setakat 31hb Mac 2026, serta Penyata Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan tersebut, termasuk nota kepada penyata kewangan yang merangkumi ringkasan dasar perakaunan yang penting dan maklumat penjelasan lain yang dimasukkan dalam laporan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut bagi:
 - Ibu Pejabat, 49 Zon, 21 cawangan termasuk 1 cawangan perbendaharaan yang diaudit oleh kami
 - 1044 cawangan (termasuk cawangan dan Hab Perkhidmatan) yang diaudit oleh juruaudit cawangan berkanun
 - 2 cawangan luar negara yang diaudit oleh juruaudit tempatan luar negara.

Cawangan yang diaudit oleh kami dan cawangan yang diaudit oleh juruaudit lain telah dipilih oleh Bank selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Reserve Bank of India. Selain itu, Lembaran Imbangan, Penyata Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai turut merangkumi laporan daripada 2455 cawangan yang tidak diaudit. Cawangan yang tidak diaudit ini menyumbang 21.89% daripada pinjaman, 46.01% daripada deposit, 22.61% daripada hasil faedah, dan 44.23% daripada perbelanjaan faedah.

- Pada pendapat kami dan setakat maklumat yang diperolehi serta penjelasan yang diberikan kepada kami, penyata kewangan berasingan tersebut memberikan maklumat yang dikehendaki oleh Akta Peraturan Perbankan, 1949 mengikut cara yang diperlukan bagi bank dan mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum di India serta memberikan:

- Lembaran Imbangan, dibaca bersama nota-notanya, adalah Lembaran Imbangan yang lengkap dan wajar, mengandungi semua butiran yang diperlukan, disediakan dengan betul untuk menunjukkan gambaran sebenar dan wajar mengenai keadaan Bank setakat 31hb Mac 2026;
- Penyata Untung Rugi, dibaca bersama nota-notanya, menunjukkan baki keuntungan yang sebenar; dan
- Penyata Aliran Tunai memberikan gambaran sebenar dan wajar mengenai aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Tanggungjawab Pengurusan dan Tanggungjawab Tadbir Urus bagi Penyata Kewangan Berasingan

Lembaga Pegarah Bank bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan berasingan ini yang memberikan gambaran sebenar dan wajar mengenai kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai Bank mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum di India, termasuk Piawaian Perakaunan yang dikeluarkan oleh ICAI, serta peruntukan Seksyen 29 Akta Peraturan Perbankan, 1949 dan pekeilling serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Reserve Bank of India (RBI) dari semasa ke semasa. Tanggungjawab ini juga merangkumi penyelenggaraan rekod perakaunan yang mencukupi mengikut peruntukan Akta untuk melindungi aset Bank dan bagi mencegah serta mengesan penipuan dan ketidakteraturan lain; pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan yang sesuai; membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhati-hati; serta mereka bentuk, melaksanakan dan menyelenggara kawalan kewangan dalaman yang mencukupi, yang berfungsi dengan berkesan untuk memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentukan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan wajar serta bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan. Dalam menyediakan penyata kewangan, pengurusan bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Bank untuk terus beroperasi sebagai kesinambungan perniagaan mendedahkan, jika berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan kesinambungan perniagaan dan menggunakan asas perakaunan kesinambungan perniagaan melainkan pengurusan berniat untuk pembubaran Bank atau menghentikan operasi, atau tiada alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhan bebas daripada salah sangkaan bahan, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Keyakinan munasabah ialah tahap keyakinan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Standard Audit (SAs) sentiasa akan mengesan salah sangkaan bahan apabila ia wujud. Salah sangkaan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap bahan jika, secara individu atau secara agregat, ia boleh dijangka mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini. Sebagai sebahagian daripada audit mengikut SAs, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit dijalankan.

Kami juga melaporkan bahawa:

- pada pendapat kami, buku akaun yang betul seperti yang dikehendaki oleh undang-undang telah dikekalkan oleh Bank setakat yang dapat dilihat daripada pemeriksaan kami ke atas buku-buku tersebut dan penyata yang betul serta mencukupi untuk tujuan audit kami telah diterima daripada cawangan/pejabat yang tidak dilawati oleh kami;
- Penyata Imbangan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai yang dilaporkan dalam laporan ini adalah selaras dengan buku akaun dan dengan penyata yang diterima daripada cawangan yang tidak dilawati oleh kami;
- laporan mengenai akaun cawangan yang diaudit oleh juruaudit cawangan Bank mengikut peruntukan di bawah Seksyen 29 Akta Peraturan Perbankan, 1949 telah dihantar kepada kami dan telah diambil kira dengan betul oleh kami dalam menyediakan laporan ini; dan
- pada pendapat kami, Penyata Imbangan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai mematuhi piawaian perakaunan yang berkenaan, sejauh mana ia tidak bercanggah dengan polisi perakaunan yang ditetapkan oleh RBI.

Ibu Pejabat memberikan tahap keutamaan yang sama kepada pemegang deposit di Pejabat Singapura berbanding dengan pemegang deposit di negara asal dalam pembayaran balik deposit sekiranya berlaku pengambilalihan, proses likuidasi atau prosiding yang setara terhadap Bank. Nota kepada akaun merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan yang diaudit dan pemahaman sepenuhnya mengenai penyata serta keadaan kewangan Bank tidak dapat dicapai tanpa merujuk kepada set lengkap penyata kewangan Bank yang diaudit.

LEMBAGA PENGARAH
Shri Aravamudan Krishna Kumar – Pengerusi Bukan Eksekutif
Shri Ashwani Kumar – Pegarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif
Shri Rajendra Kumar Saboo – Pegarah Eksekutif
Shri Vijaykumar Nirvutti Kamble – Pegarah Eksekutif
Shri Sudhir Shyam – Pegarah Wakil Kerajaan
Dr. Sarada Prasan Mohanty – Pegarah Wakil RBI
Shri Rajesh Kumar Allawadi – Pegarah Bukan Rasmi Separuh Masa
Shri Subhash Shankar Malik – Pegarah Bukan Rasmi Separuh Masa
Shri Anjan Talukdar – Pegarah Bukan Rasmi Separuh Masa
Shri Ravi Kumar Agrawal – Pegarah Bukan Rasmi Separuh Masa

JURUAUDIT
For PSMG & ASSOCIATES Chartered Accounts FRN 008567C (CA PRABUDDHA GUPTA) Partner MRN 400189
For HDSG & ASSOCIATES Chartered Accounts FRN 002871N (CA VINOD KUMAR FATEHPURIA) Partner MRN 098709
For SANJAY DEEP & ASSOCIATES Chartered Accounts FRN 015951N (CA NAKUL MITTAL) Partner MRN 521742
For P VARA & ASSOCIATES Chartered Accounts FRN 005223C (CA RUCHI AGARWAL) Partner MRN 504134

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

KETUA EKSEKUTIF & KETUA CAWANGAN

UCO BANK, SINGAPORE

Atau lawati kami di www.ucobank.com.sg

emel: accounts@ucobank.com.sg